

Masyarakat Arab Turut Teruja Dengan Pilihan Raya Umum Ketika Rakyat Malaysia Bersedia Mengundi Esok

Bernama

4 Mei, 2013

Oleh Azzah Mohamad Som & Nor Faridah Abd Rashid

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) Malaysia yang dianggap 'Ibu Segala Pilihan Raya', turut mencuri perhatian warga asing yang menetap di negara ini.

Di sebalik kibaran bendera berwarna-warni dan gambar-gambar calon yang bertanding di 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), yang dipasang di beberapa tempat, mereka turut teruja bersama-sama sebahagian daripada rakyat Malaysia yang bakal keluar mengundi esok.

Warga Iraq yang sudah menetap di negara ini sejak tujuh tahun lepas, berkata beliau mengikuti rapat situasi politik di Malaysia.

"Dan saya dapat merasakan semangat demokrasi sebenar yang diharapkan oleh banyak negara lain, semua yang cintakan kebebasan," kata jurutera yang enggan namanya disiarkan.

Menurutnya beliau berpeluang memantau pilihan raya umum 2008 dan sekali lagi tahun ini.

"Ia memberikan saya imej dua parti utama yang bertanding untuk kerusi Parlimen dan DUN, dalam kelompok masyarakat pelbagai agama dan etnik, yang sangat menarik," katanya.

Beliau berkata kewujudan ciri-ciri sosial dan budaya ini membezakan Malaysia daripada negara lain di negara ini.

Beliau juga memuji demokrasi Malaysia yang dibangunkan hasil keamanan, kewibawaan serta permodenan selama bertahun-tahun, tidak seperti demokrasi yang disaksikan oleh penduduk Timur Tengah di mana terdapat campur tangan oleh 'orang luar.'

"Saya doakan kejayaan bagi rakyat Malaysia atas pilihan mereka. Keamanan inilah yang boleh membuktikan kepada dunia bahawa rakyat dapat hidup bersama dengan aman walaupun daripada pelbagai etnik, dan bersama-sama menjayakan slogan "1Malaysia."

Perunding pendidikan Mesir Sami E Omara, yang tinggal di Malaysia kira-kira lima tahun, kagum melihat barisan kereta membawa bendera parti masing-masing di Kelantan dan Kuantan semasa berada di sana semalam.

"Penyokong bebas berbincang dan bercakap (mengenai pilihan raya), memberi pelbagai versi dan ungkapan," katanya. Baginya ia menunjukkan demokrasi di Malaysia kini semakin utuh.

Beliau menolak idea 'Malaysian Spring' (Gelombang Malaysia) seperti 'Arab Spring', sambil berkata keadaan di Malaysia sangat berbeza.

Peminat setia Barisan Nasional dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak itu, berkata Malaysia maju di bawah kepimpinan Najib.

"Saya menjangkakan BN akan menang PRU13," kata perunding pendidikan berusia 68 tahun yang berkesempatan melawat banyak negeri di Malaysia sepanjang tinggal di negara ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947452>